



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

---

## KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan dibenarkan (**Kod Bidang: 220201 - Pengangkutan Penumpang atau 241600 - Pengurusan Pelancongan**) untuk menyertai tender berikut :

<b>NO. TENDER</b>	<b>:</b>	<b>Bil. 2 /2009</b>
<b>TAJUK TENDER</b>	<b>:</b>	<b>CADANGAN MEMBINA KERETA KABEL DI BUKIT BENDERA, PULAU PINANG</b>
<b>TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN PRA BIDA</b>	<b>:</b>	<b>23 HINGGA 27 FEBRUARI 2009</b>
<b>TARIKH TAWARAN DIBUKA</b>	<b>:</b>	<b>23 FEBRUARI 2009</b>
<b>TARIKH TAWARAN DITUTUP</b>	<b>:</b>	<b>15 MEI 2009</b>

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki melengkapkan Dokumen Pra Bida asal dan menyerahkannya kembali bersama-sama dengan kertas cadangan projek. Syarikat-syarikat yang menghantar permohonan selepas tarikh 15 Mei 2009 tidak dipertimbangkan bagi tawaran tender ini.

3. Dokumen Pra Bida asal yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan bersama-sama butiran-butiran kehendaki dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, bertulis tajuk dan no. tender serta hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender Bil. 2/2009 yang ditempatkan di Kaunter Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR, 10350 Pulau Pinang sebelum jam 12.00 tengahari, 15 Mei 2009 (Jumaat). Tawaran yang dikemukakan selepas daripada masa dan tarikh yang ditetapkan tidak dipertimbangkan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang tertinggi atau mana-mana tawaran.

Y.B. Setiausaha Kerajaan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang.

## ARAHAN KEPADA PETENDER

### 1. PERIHAL TAWARAN TENDER

- 1.1. Tawaran Tender ini adalah bertujuan untuk melantik syarikat-syarikat yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan dibenarkan (**Kod Bidang: 220201 - Pengangkutan Penumpang atau 241600 - Pengurusan Pelancongan**) untuk membina Kereta Kabel di Bukit Bendera, Pulau Pinang.

### 2. DOKUMEN PRA BIDA

- 2.1. Tender ini hendaklah dibuat melalui borang-borang yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil sebagai Dokumen Pra Bida. Dokumen Pra Bida yang lengkap adalah mengandungi perkara-perkara berikut:-
  - i. Kenyataan Tawaran Pra Bida (Lampiran A)
  - ii. Arahan Kepada Pembida (Lampiran B)
  - iii. Syarat-syarat Tender (Lampiran C)
  - iv. Spesifikasi dan Tanggungjawab Petender (Lampiran D)
  - v. Borang Profil Syarikat (Lampiran E)
  - vi. Borang Pengalaman Syarikat (Lampiran F)

### 3. CARA-CARA MENGISI DOKUMEN PRA BIDA

- 3.1. Petender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Pra Bida serta menyemak kandungan dengan teliti sebelum mengisi borang-borang pra bida. Borang pra bida hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan.
- 3.2. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

#### 4. PENGHANTARAN DOKUMEN PRA BIDA

- 4.1 Dokumen Pra Bida asal yang lengkap diisi hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan butir-butir berikut: -

No. Tender : Bil. 2/2009

Tajuk Pra Bida : CADANGAN MEMBINA KERETA KABEL  
DI BUKIT BENDERA, PULAU PINANG

- 4.2 Dokumen Pra Bida asal hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender Bil.2 / 2009 yang disediakan di **Kaunter Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ( Tingkat 3, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang)** pada waktu pejabat sebelum jam 12.00 tengahari, pada atau sebelum 15 Mei 2009. Dokumen Pra Bida yang lewat tidak dipertimbangkan.

**LAMPIRAN C**

# SYARAT-SYARAT TENDER

Petender dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat-syarat tender apabila menyertai tender ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan tender yang dikemukakan oleh petender ditolak.

## 1. KELAYAKAN MEMASUKI TENDER

- 1.1. Terbuka kepada semua syarikat yang berpengalaman dan berdaftar dalam **kod bidang 220201 (Pengangkutan Penumpang) atau 241600 (Pengurusan Pelancongan)**.
- 1.2. Hanya borang asal yang diperolehi dari Kaunter Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang diterima dan dipertimbangkan permohonannya. Pengembalian borang hendaklah dikepilkan bersama-sama dengan resit asal pembelian dokumen pra bida. Borang yang dikembalikan tanpa resit asal pembelian tidak akan dipertimbangkan.
- 1.3. Syarikat hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang terperinci dan lengkap berhubung dengan pembinaan kereta kabel Bukit Bendera Pulau Pinang beserta dengan Borang Profail Syarikat (Lampiran E) dan Borang Pengalaman Syarikat (Lampiran F). Berikut adalah maklumat-maklumat yang perlu disertakan di dalam kertas cadangan tersebut:-

### 1.3.1 Maklumat lengkap cadangan

- Pendahuluan/latar belakang projek
- Tujuan
- Objektif
- Analisis Teknikal
- Analisis Pasaran
- Analisis Sosial
- Analisis Terhadap Alam Sekitar
- Analisis Keperluan Utiliti & Infrastruktur
- Isu/ Masalah
- Jajaran Projek
- Komponen Pembangunan (Layout plan)
- Kaedah Pelaksanaan
- Jadual Pelaksanaan projek
- Pengurusan
- Emergency Response Plan (ERP)
- Faedah Kepada Kerajaan Negeri

### 1.3.2 Analisis Kewangan

- Kos Pembangunan
- Nilai Pembangunan
- Penyata Aliran Tunai Projek
  - Kos Operasi
  - Kos Penyelenggaraan
  - Caj Penumpang

## **2. SPESIFIKASI DAN TANGGUNGJAWAB PETENDER**

- 2.1. Petender adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi dan tanggungjawab bagi melaksanakan kerja-kerja berkaitan pembinaan kereta kabel Bukit Bendera, Pulau Pinang seperti di **Lampiran D**.

## **3. SETUJU TERIMA TENDER**

- 3.1. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima harga Tender yang tertinggi atau mana-mana Tender. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan Negeri tidak akan melayan sebarang surat rayuan daripada petender berhubung sebab-sebab Tender mereka tidak berjaya.

## SPEKIFIKASI DAN TANGGUNGJAWAB PETENDER

### KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK:

Konsep penswastaan akan digunapakai dalam pelaksanaan projek ini dan kaedah Build Operate Transfer (BOT) digunapakai dalam projek ini. Di bawah BOT, projek akan dibina oleh pihak swasta yang akan mengendalikannya bagi suatu tempoh konsesi dan dibenarkan untuk mengutip caj perkhidmatan.

1. Objektif utama pembangunan Kereta Kabel di Bukit Bendera ialah bagi memperkenalkan produk pelancongan yang baru seterusnya melonjakkan industri pelancongan Pulau Pinang. Dengan adanya produk baru seperti kereta kabel Bukit Bendera, ia akan bertindak sebagai agen penggerak kepada pelancongan Pulau Pinang dan seterusnya akan menjadi ikon baru kepada industri pelancongan Pulau Pinang.
2. Jajaran kereta kabel yang akan dibina adalah dari Taman Botani (Taman Rekreasi Kuari) ke puncak Bukit Bendera. Jajaran ini dipilih kerana kedudukannya yang terletak tidak jauh dari pusat bandar dan merupakan kawasan tarikan pelancong sedia ada. Jajaran lain boleh dicadangkan sebagai tambahan.
3. Syarikat dikehendaki memelihara, menyelenggara dan mengurus secara konsesi Kereta Kabel Bukit Bendera dan menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan pelancongan. Syarikat dibenarkan mengenakan caj perkhidmatan kepada pelawat bergantung kepada budi bicara pihak syarikat.
4. Tempoh konsesi adalah bergantung kepada dayamaju projek dan prestasi syarikat dalam menguruskan Kereta Kabel Bukit Bendera.
5. Kemudahan berkenaan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri secara percuma selepas tamat tempoh konsesi. Kerajaan Negeri akan mengambil sikap "*flexible*" dalam mengkaji cadangan supaya dapat merangkumi semua aspek untuk dikaji.
6. Syarikat hendaklah menanggung dan membayar cukai taksiran, cukai pintu dan apa-apa cukai yang telah ditafsirkan menurut undang-undang yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri serta Kerajaan Persekutuan ke atas pembangunan dan pengurusan Kereta Kabel Bukit Bendera. Syarikat juga hendaklah menanggung dan membayar semua caj-caj bagi penggunaan bekalan elektrik, air, pemetungan, kutipan sampah dan lain-lain caj yang dikenakan ke atas pembangunan dan pengurusan Kereta Kabel Bukit Bendera dalam tempoh konsesi.

7. Kerajaan Negeri berhak membatalkan kontrak perjanjian sekiranya syarikat pengurusan menjalankan operasi yang menjejaskan harmoni sosial atau menjejaskan alam sekitar.